

# Lelaki mengaku salah miliki dadah didenda RM3,800

**KUCHING:** Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman denda RM3,800 atau enam bulan penjara terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki 1.37 gram Methamphetamine.

Ahmad Zaidi Kamarudin, 40, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan sebaik didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 4 petang di tepi jalan, belakang sebuah premis di Kampung Tabuan Lot di sini pada 8 Februari 2024.

Berdasarkan keterangan kes, sepasukan polis menahan tertuduh susulan disyaki terlibat dengan kegiatan dadah.

Polis membuat pemeriksaan dan menjumpai satu paket plastik lutsinar yang mengandungi barang berisi ketulan-ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu di dalam beg silang tertuduh.

Semasa dalam siasatan polis, barang kes tersebut dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis dan laporan kimia bertarikh 19 April 2024 mengesahkannya mengandungi 1.37 gram dadah jenis Methamphetamine.

Methamphetamine merupakan dadah tersenarai di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tertuduh tidak diwakili peguam manakala pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang.